

Headline 100 ahli Kelab Sahabat Kafe@Teen berkumpul
Date 16 Nov 2009
MediaTitle Berita Harian (Utara)
Section Berita
Journalist N/A
Frequency Daily
Circ / Read 231,163 / 1,368,000

Language Malay
Page No 6
Article Size 401 cm²
Color Full Color
ADValue 5,081
PRValue 15,243



100 ahli Kelab Sahabat Kafe@Teen berkumpul

BUTTERWORTH: Kira-kira 100 ahli Kelab Sahabat Kafe@Teen dari seluruh negeri berkumpul sempena Hari Terbuka Kafe@Teen di pekaraangan Pusat Remaja Kafe@Teen, di sini.

Sempena sambutan itu, pelbagai acara diadakan termasuk larian bagi kempen 'I'm In Control' bagi menyampaikan mesej 'Remaja Bebas Daripada Hiv/Aids' kepada rakan sebaya yang menyertai larian itu.

Larian sembilan kilometer bermula jam 8.30 pagi yang disertai remaja berusia 13 sehingga 24 tahun itu dilepaskan Pegawai Perubatan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Zon Utara, Dr Azura Abdullah.

Remaja berkenaan turut menyertai perlawanan persahabatan ping pong, gimnasium, melayari internet dan komputer, bermain catur serta dam.

Kafe@Teen dibuka setiap

Isnin hingga Jumaat bermula jam 9 pagi hingga 6 petang dengan kira-kira 3,000 remaja menyertai Kelab Sahabat Kafe@Teen tanpa dikenakan sebarang bayaran.

Pusat remaja itu turut menyediakan perkhidmatan kaunselor dan doktor secara percuma setiap Selasa dan

Khamis bermula jam 2 petang sehingga jam 5 petang bagi mereka yang ingin berhenti merokok dan pengawalan berat badan.

Kafe@Teen menyediakan pelbagai kemudahan termasuk perpustakaan, internet, bilik perbincangan, pendidikan remaja, aktiviti sosial budaya, ekspedisi dan gimnasium serta berkenalan dengan rakan baru.

Sementara itu, Pengerusi program, Noor Sazali Mansor, berkata pusat remaja Kafe@Teen yang serba moden dan mesra remaja disediakan bagi membantu remaja menempuh

alam remaja dengan selesa.

"Kafe@Teen dapat melahirkan remaja berperibadi mulia serta mengamalkan cara hidup

sihat. Ia juga bertindak sebagai sistem sokongan remaja bagi membimbing remaja memilih laluan hidup positif," katanya.

Seorang pelajar, Nor Farah Bazlan, 16, berkata dia menyertai Kelab Sahabat Kafe@Teen pada Mac lalu dengan menggunakan kemudahan yang disediakan serta berkongsi pengalaman bersama rakan sebaya.

"Kafe@Teen yang menyediakan perkhidmatan kaunselor dan doktor mampu menangani masalah remaja dan pembelajaran serta konflik keluarga," katanya.

Rakannya, K. Venotini, 13, berkata dia menganggotai kelab itu sejak Januari lalu dengan menggunakan perkhidmatan mini perpustakaan, komputer dan internet dan gimnasium.

"Khidmat kesihatan remaja

di Kafe@Teen membantu remaja untuk mengawal berat badan," katanya.

Seorang lagi pelajar, Nur Iman Mad Nasir, 17, berkata dia berkunjung ke pusat remaja itu setiap Selasa dan Khamis untuk mengikuti latihan gimnasium, komputer dan internet.

"Saya bersyukur kerana mendapat perkhidmatan percuma daripada pusat ini," katanya.




K Venotini



SAHABAT Kafe@Teen yang menyertai larian sempena hari terbuka Kafe@Teen di Butterworth.

SHAHIRIN OSMAN | BERITA HARIAN

Headline	100 ahli Kelab Sahabat Kafe@Teen berkumpul	Language	Malay
Date	16 Nov 2009	Page No	6
MediaTitle	Berita Harian (Utara)	Article Size	401 cm²
Section	Berita	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	5,081
Frequency	Daily	PRValue	15,243
Circ / Read	231,163 / 1,368,000		



AHLI Sahabat Kafe@Teen menyertai latihan gimnasium pada hari terbuka Kafe@Teen di Butterworth.